

HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah") Perjanjian Pemegang Kad

(Edisi Februari 2025)

Tarikh berkuatkuasa:

➤ 11 Februari 2025

Sila menghubungi cawangan HSBC yang terdekat kepada anda jika anda memerlukan apa-apa penjelasan.

Terima kasih kerana berbankan dengan HSBC.

Kandungan

Perjanjian Pemegang Kad

- Kad Kredit-i HSBC MPower Platinum Visa
- Kad Kredit-i HSBC MPower Visa
- Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World Mastercard®

A. Penerimaan Perjanjian ini	P. Bukti Konklusif
B. Definisi	Q. Modifikasi dan Perubahan
C. Penggunaan Kad Kredit-i	R. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kad
D. Pengesahan Penyata Bulanan	S. Dasar Pertukaran Asing
E. Pendahuluan Tunai	T. Indemniti
F. Bayaran Yang Dibuat kepada Akaun Kad	U. Disklaimer
G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan	V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang	W. Hak Istimewa HSBC Visa Exclusive Privileges / Mastercard Moments Privileges
I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa	X. Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
J. Penolakan	Y. Program Pulangan Tunai
K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan	Z. Pematuhan Cukai
L. Kesan-kesan Penamatan	AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan
M. Obligasi-obligasi Pemegang Kad	AB. Umum
N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi	Lampiran 1
O. Perkhidmatan dan Notifikasi	

Perjanjian Pemegang Kad

Perjanjian Pemegang Kad ini boleh didapati di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my/card_TC.

PENTING! Sila luangkan masa untuk membaca dan memahami Perjanjian Pemegang Kad ini sebelum menggunakan Kad Kredit-i HSBC anda kerana Perjanjian Pemegang Kad ini (termasuk lampirannya) akan mengikat ke atas anda selepas anda menggunakan Kad Kredit-i. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak fahami, sila bincangkan dengan lebih lanjut dengan kakitangan Bank, wakil yang diberi kuasa atau ejen sebelum mengaktifkan dan menggunakan Kad Kredit-i HSBC anda.

Kad Kredit-i dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad berasaskan prinsip Syariah Ujrah, yang merujuk kepada pembayaran yuran sebagai pertimbangan untuk perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan seperti yang ditetapkan oleh Bank di bawah Perjanjian ini. Had Kredit bagi Kad Kredit-i diperuntukkan oleh Bank kepada Pemegang Kad berasaskan prinsip Syariah Qard (pinjaman) di mana hubungan antara Bank dan Pemegang Kad masing-masing adalah antara pemberi dan penerima pinjaman. Kad Kredit-i tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ("Perjanjian"):

A. Penerimaan Perjanjian ini

1. Hanya anda boleh menggunakan Kad Kredit-i tersebut. Mana-mana penggunaan yang tidak diberi kuasa akan ditanggung oleh Anda. Anda telah menandatangani penerimaan Perjanjian ini pada masa permohonan untuk Kad Kredit-i. Jika Anda tidak ingin diikat oleh Perjanjian ini, Pemegang Kad perlu mematuhi Fasal 16 (a) di bawah.

B. Definisi

2. Terma-terma yang digunakan dalam Perjanjian ini akan membawa definisi-definisi berikut:
 - i. "Arahan Tetap" bermaksud pembayaran berulang yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada satu institusi perdagangan yang dikenakan kepada Akaun Kad
 - ii. "Fi Pengurusan Bulanan Sebenar" bermaksud fi pengurusan bulanan sebenar yang dikenakan oleh Bank, di mana Baki Penyata untuk Penyata Kad bulan yang sebelumnya tidak dijelaskan dengan sepenuhnya pada Tarikh Kena Bayar.

(a) Fi Pengurusan Bulanan Sebenar adalah berdasarkan peringkat seperti berikut:

Peringkat I: 15% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan segera Bayaran Bulanan Minima yang kena dibayar bagi 12 bulan yang berterusan.

Peringkat II: 17% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan segera Bayaran Bulanan Minima yang kena dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam satu kitaran 12-bulan terakhir;

Peringkat III: 18% setahun untuk Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam Peringkat-I dan Peringkat-II

Fi Pengurusan Bulanan Sebenar di atas akan dikenakan ke atas jumlah baki prinsipal yang terhutang daripada transaksi-transaksi Runcit dan Pelan(-pelan) Ansuran Kad Kredit, dikira atas dasar harian dari Tarikh Pengeposan sehingga pembayaran-pembayaran dikreditkan ke dalam Akaun Kad dan selepas itu ke atas baki yang dikurangkan (jika ada).

- (b) Untuk Pendahuluan Tunai, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar akan dikenakan pada kadar sebanyak 18% setahun atas dasar harian ke atas jumlah Pendahuluan Tunai yang dikeluarkan, dikira dari tarikh transaksi sehingga pembayaran secara penuh. Bank boleh, atas budibicaranya, memberikan rebet sepertimana yang dinyatakan di Fasal 6;
- (c) Untuk Pemindahan Baki, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar akan dikenakan pada kadar 18% setahun ke atas jumlah Pindahan Baki;
- (d) Pembayaran akan digunakan mengikut urutan berikut; untuk menyelesaikan cukai-cukai, Pendahuluan Tunai, ansuran bulanan Pelan(-pelan) Ansuran Kad Kredit, transaksi-transaksi Runcit, Pemindahan Baki dari Fi Pengurusan Bulanan Sebenar yang tertinggi ke terendah.

Apabila pembayaran separa diterima daripada Pemegang Kad, 30% daripada jumlah yang telah dibayar atau 30%, daripada pembayaran bulanan minimum yang telah dibayar, yang mana lebih rendah, akan digunakan untuk penyelesaian cukai-cukai, fi-fi pengurusan bulanan sebenar dan fi-fi lain. Apa-apa baki jumlah yang telah dibayar akan digunakan untuk penyelesaian baki-baki dalam tuturan hierarki pembayaran di atas dengan menarik kadar fi pengurusan bulanan sebenar yang tertinggi hingga yang terendah.

- iii. "Fi Tahunan" bermaksud fi tahunan yang telah ditentukan sebelum ini yang kena dibayar oleh Anda untuk setiap Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan, seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj bank yang boleh dilihat di <https://www.hsbcamanah.com.my/content/dam/hsrc/hbms/documents/tariffs-and-charges.pdf>.
- iv. "Pindahan Baki" bermaksud memindah baki terhutang daripada kad(-kad) kredit yang terpilih yang Anda memegang dengan pengisu(-pengisu) kad kredit lain di Malaysia (tidak termasuk HSBC Bank Malaysia Berhad) ke Akaun Kredit Kad Anda dengan Kami, dan jumlah yang dipindahkan akan dibilkan sebagai sebahagian Baki Penyata Anda. Terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci dinyatakan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pindahan Baki HSBC Amanah (www.hsbcamanah.com.my/bt).
- v. "Ansuran Pindahan Baki" bermaksud memindah baki terhutang daripada kad(-kad kredit) yang terpilih yang Anda memegang dengan pengisu(-pengisu) kad kredit lain di Malaysia (tidak termasuk HSBC Bank Malaysia Berhad) ke Akaun Kad Kredit Anda dengan Kami dan menukarkan jumlah yang dipindah tersebut kepada suatu pelan ansuran bulanan

pada fi pengurusan dan tempoh yang dipersetujui pada masa permohonan. Terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci adalah dinyatakan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Ansuran Pindahan Baki HSBC Amanah (www.hsbcamanah.com.my/bti).

- vi. "Bank" atau "Kami" bermaksud HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat: 200801006421(807705-X)).
- vii. "Akaun Kad" bermaksud akaun yang dikendalikan untuk Kad Kredit-i Anda yang akan mencerminkan semua Transaksi Kad Anda termasuk fi-fi dan caj-caj yang dikenakan ke atas Kad Kredit-i.
- viii. "Penyata Kad" bermaksud penyata bulanan yang kami keluarkan kepada Anda untuk Kad Kredit-i Anda.
- ix. "Transaksi-transaksi Kad" bermaksud transaksi-transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Kredit termasuk Transaksi-transaksi Runcit, Pindahan Baki, Pendahuluan Tunai, Pelan(-pelan) Ansuran Kad Kredit dan Arahan(-arahan) Tetap.
- x. "Pemegang Kad" atau "Anda" bermaksud orang yang mana Kad Kredit-i dikeluarkan yang mana termasuk Pemegang Kad Tambahan.
- xi. "Pendahuluan Tunai" bermaksud tunai atau yang setaraf dengannya yang diperolehi daripada Kad Kredit-i dan termasuk (tanpa terhad kepada):
 - (a) Pengeluaran Pengeluaran tunai menggunakan Kad Kredit-i atau Mesin Juruwang Automatik ("ATM"),
 - (b) Pemindahan dana daripada Had Kredit yang sedia ada sebagai tunai daripada Akaun Kad ke akaun deposit HSBC/HSBC Amanah anda melalui GIRO antara bank secara atas talian atau pemindahan secara serta merta, dan
 - (c) Transaksi-transaksi tunai kuasi menggunakan Kad Kredit-i untuk:
 - (i) Pembelian mata wang asing, mata wang kripto, cek-cek perjalanan dan pesanan-pesanan wang, atau
 - (ii) Pindahan kawat/ pindahan wang.
- xii. "Kad Kredit-i" bermaksud suatu kad kredit-i utama dan/atau tambahan yang dikeluarkan oleh Bank menurut terma-terma Perjanjian ini.
- xiii. "Pelan(-pelan) Ansuran Kad Kredit" bermaksud semua pelan ansuran kad kredit-i yang ditawarkan oleh Bank yang sedia ada dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Pelan Ansuran Kad (IPP) www.hsbcamanah.com.my/cip2,
 - Pelan Ansuran Tunai (CIP) www.hsbcamanah.com.my/cip,

- Ansuran Pindahan Baki (BTI) www.hsbcamanah.com.my/bti,
- Pelan Penukaran Baki (BCP) www.hsbcamanah.com.my/bcp, dan
- Penukaran Baki Automatik (ABC) www.hsbcamanah.com.my/abc

yang membolehkan Anda untuk membayar bagi perbelanjaan atau baki terhutang bagi kad kredit tertentu atas dasar ansuran.

- xiv. "Had Kredit" bermaksud had kredit yang ditetapkan kepada Akaun Kad yang sedia ada untuk penggunaan Anda dan semua Kad Tambahan Anda dan akan dinyatakan pada:
- (a) jaket kad atau surat alu-aluan apabila Kad Kredit-i pada mulanya dihatnir kepada Anda; atau
 - (b) Penyata Kad.
- xv. "Baki Semasa" bermaksud keseluruhan jumlah tertunggak atas Akaun Kad Kredit-i Anda. Ia termasuk apa-apa Transaksi Runcit, Pindahan Baki, Pendahuluan Tunai, Fi Pengurusan Bulanan Sebenar, fi-fi dan caj-caj yang dikenakan seperti yang dinyatakan dalam Tarif dan Caj Bank (jika ada) dan cukai perkhidmatan semasa (jika ada).
- xvi. "Tarikh Kena Bayar" bermaksud tarikh pembayaran kena dibayar yang dinyatakan dalam Penyata Kad untuk membayar Baki Penyata Anda.
- xvii. "Fi Pengendalian Bulanan Tetap" bermaksud fi pengendalian bulanan yang dibilkan oleh Bank untuk mengendalikan Akaun Kad tersebut, yang ditentukan berdasarkan Had Kad yang ditetapkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- xviii. "Tempoh Bebas" bermaksud suatu tempoh bebas fi pengurusan/ bebas fi pengurusan sebenar bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 hari bagi semua transaksi jika anda membuat pembayaran penuh untuk penyata bulan sebelumnya pada atau sebelum Tarikh Kena Bayar yang dinyatakan dengan syarat bahawa tidak terdapat jumlah terhutang dalam Pendahuluan Tunai dan/atau Pindahan Baki dalam Penyata Kad Anda yang sebelumnya.
- xix. "Fi Bayaran Lewat" bermaksud suatu fi yang dikira pada 1% daripada baki tertunggak bagi Transaksi-transaksi Kad Kredit-i (tidak termasuk fi-fi tahunan dan cukai-cukai yang dikenakan jika ada) tertakluk kepada fi minima RM10 dan maksima RM100.
- xx. "Bayaran Bulanan Minimum" bermaksud suatu bayaran bulanan minima yang dibayar pada Tarikh Kena Bayar, yang mana adalah bersamaan dengan:
- 5% daripada Baki Semasa + 100% ansuran bulanan Pelan-pelan Ansuran Kad Kredit-i (jika ada) + sebarang pembayaran minimum bulanan tertunggak yang dinyatakan dalam Penyata Kad bulan sebelumnya ATAU RM50, yang mana lebih tinggi
- xxi. "Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)" bermaksud suatu kod nombor yang ditetapkan oleh

Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad untuk membolehkan Anda untuk mengakses perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit-i tersebut.

- xxii. "Terlebih had" bermaksud jumlah yang dicajkan kepada Kad Kredit-i yang melebihi Had Kredit Anda.
- xxiii. "Tarikh Pengeposan" bermaksud tarikh di mana suatu Transaksi Kad diposkan ke dalam Akaun Kad.
- xxiv. "Transaksi-transaksi Runcit" bermaksud kesemua pembelian barang-barang atau perkhidmatan yang dicajkan kepada Kad Kredit-i tersebut, tidak termasuk kesemua pembelian barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dicajkan kepada Kad Kredit-i, tidak termasuk Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki, Pelan-pelan Bayaran Ansuran Kad Kredit-i, fi-fi dan caj-caj.
- xxv. "Tarikh Penyata" bermaksud tarikh Penyata Kad dikeluarkan.
- xxvi. "Penyata Baki" bermaksud jumlah tunggakan yang dinyatakan dalam Penyata Kad.

Terma maskulin dalam Perjanjian ini termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya dan bilangan tunggal meliputi bilangan jamak dan sebaliknya.

C. Penggunaan Kad Kredit-i

- 3. Kad Kredit-i tersebut adalah hakmilik Bank dan mesti dikembalikan kepada Kami atas permintaan (yang tidak boleh dibuat secara tidak munasabah).
- 4. (a) Anda hendaklah bertanggungjawab kepada Bank untuk penggunaan Kad Kredit-i tersebut dan mestilah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menjaga Kad Kredit-i tersebut termasuk PIN, jika gagal berbuat demikian apa-apa penggunaan Kad Kredit-i yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Anda tertakluk kepada Fasal 12 di bawah.
 - (b) Anda dikehendaki untuk memasukkan PIN Anda apabila diminta untuk berbuat demikian bagi menyempurnakan suatu Transaksi Kad, jika tidak transaksi tersebut mungkin akan ditolak.
 - (c) Untuk transaksi-transaksi luar negara, kemudahan PIN mungkin boleh atau tidak boleh disokong dan tandatangan mungkin diperlukan.
 - (d) Untuk transaksi-transaksi Tanpa Sentuhan, tidak memerlukan PIN atau tandatangan diperlukan sekiranya amaun tersebut adalah di bawah RM250. Had tersebut ditetapkan di seluruh industri perbankan. Sila ambil perhatian bahawa Visa/Mastercard dan/atau Bank boleh menentukan had lain bagi transaksi-transaksi Tanpa Sentuh.

- (e) Untuk transaksi-transaksi berkaitan tol, ciri Card-Not-Present (CNP) adalah diaktifkan secara automatik dan kekal untuk memastikan pengalaman pembayaran yang konsisten dan tidak terganggu. Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Kad anda secara langsung tanpa notis terlebih dahulu bagi pembayaran tol sekiranya Pemegang Kad berjaya melalui tol menggunakan Kad Kredit-i tetapi pembayaran tol tidak berjaya dicaj pada hari yang sama disebabkan oleh had kredit yang tidak mencukupi, gangguan sistem, isu teknikal, dan/atau apa-apa sebab lain. Ini mungkin mengakibatkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa transaksi sebenar.
 - (f) Untuk transaksi-transaksi kad kredit-i yang dilaksanakan melalui Dompot Mudah Alih, Kad Mudah Alih terma-terma dan syarat-syarat dalam Lampiran I (Terma –terma dan Syarat-syarat untuk Dompot Mudah Alih) akan terpakai.
 - (g) Jika Bank mengeluarkan satu kad tambahan (“Kad Kredit-i Tambahan tersebut”) atas permintaan bersesama Pemegang Kad Utama dan pemegang kad tambahan tersebut (“Pemegang Kad Tambahan”), Pemegang Kad utama adalah bertanggungjawab secara bertunggal kepada Bank untuk penggunaan Kad Kredit-i Tambahan tersebut.
 - (h) Pemegang Kad Tambahan adalah terikat dengan Perjanjian ini setelah mengaktifkan kad kredit-i.
5. (a) Pemegang Kad bersetuju untuk hanya menggunakan Kad Kredit-i tersebut seperti berikut:
- i. Untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh Shariah dan hanya untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang halal atau diluluskan oleh Shariah. Keputusan Bank dan/atau Jawatankuasa Shariahnya tentang samada barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah mematuhi Shariah adalah muktamad; dan
 - ii. Tidak akan menggunakan Kad Kredit-i untuk atau berkenaan dengan apa-apa aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk dan tanpa had perjudian online)
- (b) Kemungkinan Fasal 5 (a) (i), boleh mengakibatkan Bank menolak bayaran-bayaran untuk transaksi yang terjejas tersebut dan memberhentikan Kad Kredit-i tersebut dengan serta merta, tanpa apa-apa liabiliti ke atas Bank.
 - (c) Meskipun Fasal 5 (a) (ii), Pemegang Kad terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar kepada Bank jumlah yang terhutang untuk transaksi yang terjejas tersebut, jika ada, dan tidak akan menggunakan ini sebagai pembelaan untuk enggan membayar amaun yang kena dibayar kepada Bank.
 - (d) Pemegang Kad perlu mematuhi dengan ketat Had Kredit tersebut melainkan dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada Bank, dan mesti serta-merta membayar jumlah Terlebih Had (jika ada) kepada Bank selewat-lewatnya pada Tarikh Kena Bayar, atau atas permintaan Kami, yang mana lebih awal; dan
 - (e) Bank boleh menggantung penggunaan selanjutnya Kad Kredit-i atau Akaun Kad sehingga jumlah Terlebih Had dijelaskan sepenuhnya untuk mengelakkan kesan yang berpotensi kepada penarafan kredit/CCRIS anda.

- (f) Kami boleh menyemak semula Had Kredit Anda dari semasa ke semasa berdasarkan penilaian Kami terhadap risiko kredit yang berkaitan dengan Akaun Kad (termasuk corak perbelanjaan dan pembayaran balik Anda). Kami boleh membuat keputusan untuk meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit Anda. Namun, kami akan memastikan bahawa Anda diberi notis terdahulu sekurang-kurangnya tiga (3) hari perbankan mengenai apa-apa perubahan. Kami juga boleh menyekat, mengehadkan, menahankan kredit atau menamatkan penggunaan Kad Kredit-i tersebut (termasuk dalam keadaan-keadaan di mana Akaun Kad adalah berbayar dan tidak ingkar mana-mana pembayaran) dengan memberikan notis sewajarnya kepada Anda, melainkan sebaliknya dikehendaki oleh badan-badan/agensi-agensi kawal selia atau perintah mahkamah.
 - (g) Anda dengan ini bersetuju bahawa sekiranya Anda menikmati kemudahan-kemudahan perbankan lain dengan Bank dan/atau HSBC Bank Malaysia Berhad ("HSBC Bank") dan jika mana-mana kemudahan-kemudahan perbankan Anda dan/atau kemudahan kad kredit-i ini tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan Bank dan/atau HSBC Bank, Bank dan HSBC Bank berhak untuk mengurangkan Had Kredit Anda selepas memberi notis terdahulu tiga (3) hari perbankan. Kami juga boleh menyekatkan, mengehadkan atau menamatkan penggunaan Kad Kredit-i Anda selepas memberi notis munasabah kepada Pemegang Kad tersebut kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh badan/agensi berperaturan
 - (h) Jika Anda menggunakan Kad Kredit-i tersebut di dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia, jumlah sedemikian hendaklah ditukar pada kadar pertukaran sepertimana yang ditentukan oleh Visa International atau Mastercard International, mengikut kes, pada tarikh pertukaran dan ditambah dengan kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan juga apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International.
6. Pemegang Kad tidak dikecualikan dari liabiliti atas sebab kegagalannya untuk menandatangani draf jualan di mana pada pendapat Bank, kegagalan dan/atau peninggalan tersebut adalah disebabkan sifat transaksi tersebut atau disebabkan kesilapan oleh Pemegang Kad dan/atau pedagang dan/atau ahli bank VISA/Mastercard.
- (a) Baki Penyata yang dinyatakan pada Penyata Kad adalah terhutang dan kena dibayar oleh Pemegang Kad pada Tarikh Kena Bayar.
 - (b) Pemegang Kad boleh memilih untuk membayar kurang daripada Baki Penyata dengan syarat Pemegang Kad membuat Bayaran Minima pada Tarikh Kena Bayar.
 - (c) Setiap jenis Kad Kredit-i akan dicajkan satu Fi Pengendalian Bulanan Tetap untuk setiap Kad Kredit-i masing-masing. Fi Pengendalian Bulanan Tetap tersebut boleh dinaikkan atau dikurangkan dari semasa ke semasa seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan jumlah yang diubah tersebut akan terikat pada dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad selepas satu notis yang munasabah telah diberikan kepada Pemegang Kad.

- (d) Jika Pemegang Kad membayar kepada Bank kurang daripada Baki Penyata pada Tarikh Kena Bayar, satu Fi Pengendalian Bulanan Sebenar akan dikenakan ke atas Akaun Kad.
 - (e) Bank mempunyai hak untuk memberikan Pemegang Kad satu ibraa' (rebet) pada bila-bila masa. Amaun ibraa' akan ditentukan dan dikira oleh Bank seperti berikut:
 - i. berdasarkan perbezaan di antara Fi Pengendalian Bulanan Tetap dan Fi Pengendalian Bulanan Sebenar pada Tarikh Penyata yang relevan; dan
 - ii. di mana Fi Pengendalian Bulanan Sebenar pada Baki Semasa adalah kurang daripada Fi Pengendalian Bulanan Tetap.
 - (f) Di mana Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Kad Kredit-i dan setiap Kad Kredit-i mempunyai Had Kredit masing-masing, Bayaran Minima Bulanan sebanyak RM50 akan terpakai ke atas setiap Kad-kad Kredit-i walaupun jumlah 5% daripada Baki-baki Semasa dan bayaran bulanan minima belum dibayar yang dinyatakan di dalam Penyata Kad untuk bulan sebelumnya adalah kurang daripada RM50.
 - (g) Jika Pemegang Kad membayar kepada Bank kurang daripada Baki Penyata pada Tarikh Kena Bayar, satu Fi Pengurusan Bulanan Sebenar akan dikenakan pada baki tertunggak Transaksi Runcit yang belum dibayar selepas Tarikh Kena Bayar dengan serta merta selepas Tarikh Penyata di mana Transaksi Runcit tersebut diposkan ke Akaun Kad tersebut, dikira dari Tarikh Pengeposan sehingga apa-apa bayaran dikreditkan kepada Akaun Kad tersebut dan selepas itu pada baki yang dikurangkan.
 - (h) Satu Fi Bayaran Lewat akan dikenakan oleh Bank jika Pemegang Kad gagal untuk membayar Bayaran Bulanan Minima pada Tarikh Kena Bayar. Yuran Bayaran Lewat tersebut akan dikenakan pada hari selepas luputnya 4 hari dari Tarikh Kena Bayar dan akan dinyatakan pada Penyata Kad bulan yang seterusnya.
 - (i) Kegagalan untuk membayar Bayaran Bulanan Minima pada Tarikh Kena Bayar, boleh mempengaruhi penilaian kredit anda sepertimana yang dilaporkan kepada CCRIS (Central Credit Reference Information System).
7. Pemegang Kad boleh menyediakan Arahan Tetap dengan institusi perdagangan berdasarkan terma-terma di dalam Perjanjian Pemegang Kad-i ini dan adalah bertanggungjawab terhadap setiap Arahan Tetap seperti yang dinyatakan di klausa 6 diatas.
- (a) Bagi Pemegang Kad Mastercard, pihak Bank telah berdaftar dengan system Mastercard Automatic Billing Updater (ABU) yang menyimpan butiran-butiran Kad Kredit-i dan transaksi Pemegang Kad Mastercard dengan institusi perdagangan tertentu yang mungkin akan memberi impak kepada cara Mastercard memproses Arahan Tetap. Kami menyarankan Pemegang Kad Mastercard untuk melayari link www.hsbcamanah.com.my/abu untuk mengetahui lebih lanjut kaedah dan cara operasi ABU sebelum membuat sebarang Arahan Tetap.

D. Pengesahan Penyata Bulanan

8. Pemegang Kad bersetuju untuk menyemak dengan segera dan menyelaraskan kandungan bagi setiap Penyata Kad dan rekod transaksi dari Bank untuk memastikan sama ada terdapat apa-apa kesilapan, ketinggalan, perbezaan atau ketidakteraturan (termasuk apa-apa kesilapan yang timbul daripada transaksi penipuan atau tidak diberi kuasa) (secara kolektif "Ketidakteraturan"). Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank bagi apa-apa Ketidakteraturan, secepat mungkin yang boleh dilaksanakan dan dalam apa jua keadaan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Penyata Kad. Jika notis diterima oleh Bank selepas tempoh ini, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa Kerugian akibat daripada kelambatan oleh Pelanggan dalam memberikan notis sedemikian.

E. Pendahuluan Tunai

9. (a) Pendahuluan tunai akan tertakluk kepada fi pendahuluan tunai sebanyak RM50. Fee tersebut akan didebitkan ke Akaun Kad pada tarikh pengeluaran.
- (b) Kesemua transaksi antara negara melalui ATM adalah tertakluk kepada undang-undang negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan. Bagi semua transaksi sedemikian, kadar pertukaran (jika ada) adalah kadar pertukaran semasa sepertimana yang ditentukan oleh Bank setakat tarikh transaksi didebitkan ke dalam Akaun Kad tersebut. Apa-apa pertukaran mata wang hendaklah mematuhi peraturan Bai' al-Sarf (Pertukaran Matawang) di mana perhubungan antara pelanggan dengan bank adalah pembeli dan penjual bagi matawang-matawang masing-masing.
- (c) Bank merizabkan hak untuk menentukan jumlah keseluruhan tunai yang boleh dikeluarkan atau digunakan di bawah Pendahuluan Tunai atau menukarkan had Pendahuluan Tunai yang ditentukan olehnya, dari semasa ke semasa.

F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad

10. (a) Mana-mana transaksi untuk deposit tunai, cek-cek dan instrumen-instrumen boleh runding yang lain, hanya akan dianggap dilakukan:
- jika melalui deposit tunai, selepas pengesahan oleh kakitangan Bank tentang deposit tersebut dan berkenaan jumlah deposit tersebut dan kemasukan telah direkodkan dalam rekod-rekod Bank; dan
 - jika melalui deposit cek-cek atau instrumen-instrumen boleh runding yang lain, selepas pengesahan oleh kakitangan Bank berkenaan deposit tersebut dan jumlah deposit tersebut dan berkenaan gelaran Pemegang Kad kepada cek-cek sedemikian dan instrumen-instrumen boleh runding lain untuk dikutip.
- (b) Resit yang dikeluarkan oleh Mesin Deposit Tunai dan Mesin Deposit Cek dan jumlah yang dinyatakan di skrin ATM tersebut, pada masa transaksi deposit tersebut boleh mengesahkan deposit yang dilakukan tetapi bukan jumlah yang didepositkan, oleh itu tidak akan dianggap sebagai telah diterima untuk nilai sehingga jumlah yang dipindah telah dimasukkan dalam rekod-rekod Kami.

- (c) Apa-apa bayaran yang dibuat melalui arahan debit atau pindahan-pindahan dana, sebagai contoh, GIRO Antara-bank, Perbankan Internet & Perbankan Telefon, akan dianggap sebagai telah dibuat, apabila penerimaan kami bagi dana-dana yang dijelaskan dan/atau apabila jumlah tersebut dimasukkan ke dalam rekod-rekod Kami.

G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan

11. Pemegang Kad bersetuju untuk membayar Fi Tahunan dan cukai yang dikenakan untuk semua atau mana-mana Kad Kredit-i (termasuk mana-mana Kad Kredit-i Tambahan) yang dikeluarkan. Fi Tahunan ini akan ditentukan dan/atau diubah oleh Bank dengan memberikan notis 21 hari kepada Pemegang Kad. Fi Tahunan akan dibilkan kepada Pemegang Kad sepertimana yang dinyatakan dalam Penyata Kad.

H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan pedagang

12. (a) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan dan peninggalan mana-mana institusi pedagang termasuk apa-apa penolakan Kad Kredit-i tersebut, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekal kepada Pemegang Kad oleh pedagang tersebut.
- (b) Pemegang Kad akan menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap pedagang secara terus.
- (c) Apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian yang Pemegang Kad mungkin ada terhadap pedagang tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada kewajipan untuk membayar jumlah yang kena dibayar kepada Bank.

I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit-i dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa

13. (a) Dalam keadaan di mana berlaku transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan PIN bagi Akaun Kad tersebut, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap Transaksi Kad yang dipertikaikan melainkan ia dibuktikan bahawa Pemegang Kad telah:
- i. bertindak secara menipu;
 - ii. terlewat untuk memberitahu Kami dengan secepat mungkin semunasabah yang boleh dilaksanakan selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i tanpa kebenaran;
 - iii. mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela; atau
 - iv. mencatatkan PIN pada Kad Kredit-i, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran Kad Kredit-i, yang mungkin hilang atau dicuri bersama Kad Kredit-i.
- (b) Dalam keadaan di mana berlaku transaksi tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuhan ke atas Akaun Kad, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap Transaksi Kad yang

dipertikaikan melainkan ia dibuktikan bahawa Pemegang Kad telah:

- i. bertindak secara menipu;
 - ii. terlewat untuk memberitahu Bank secepat mungkin semunasabah yang boleh dilaksanakan selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i tanpa kebenaran;
 - iii. meninggalkan Kad Kredit-i atau barang yang mengandungi Kad Kredit-i tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat atau dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Pemegang Kad. Bagaimanapun, Pemegang Kad dikehendaki menjaga Kad Kredit-i dengan sewajarnya walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad; atau
 - iv. membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit-i secara sukarela.
- (c) Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi tanpa kebenaran yang dicajkan kepada Kad Kredit-i setelah Pemegang Kad memaklumkan Bank secepat mungkin semunasabah yang boleh dilaksanakan, sama ada secara lisan atau bertulis, berkenaan Kad Kredit-i yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran.
- (d) Pemegang kad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung disebabkan mana-mana yang berikut:
- i. Bank gagal menghantar peringatan-peringatan kepada Pemegang Kad mengenai tanggungjawab-tanggungjawab Pemegang Kad;
 - ii. Bank gagal menyediakan talian khas pelanggan yang beroperasi pada setiap masa untuk membolehkan Pemegang Kad memaklumkan Bank tentang Kad Kredit-i yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran;
 - iii. kerosakan teknikal atau masalah lain dalam sistem atau peralatan Bank;
 - iv. kelemahan atau kepincangan dalam ciri kawalan dan keselamatan yang diguna pakai oleh Bank;
 - v. Transaksi Kad yang dipertikaikan melibatkan penggunaan Kad Kredit-i yang palsu;
 - vi. bagi Transaksi Kad yang memerlukan pengesahan PIN, Transaksi Kad yang dipertikaikan berlaku sebelum Pemegang Kad menerima PIN atau menukar PIN asal buat kali pertama;
 - vii. tindakan menipu atau cuai kakitangan atau ejen Bank atau pedagang; atau
 - viii. suatu transaksi, tidak termasuk transaksi berulang, yang berlaku setelah Pemegang Kad memaklumkan Bank tentang penggunaan Kad Kredit-i yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran.
- (e) Untuk memudahkan Bank menyiasat sebarang laporan Kad Kredit-i yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran, Bank akan memerlukan bantuan Pemegang Kad

untuk melakukan yang berikut:

- i. walaupun Pemegang Kad mungkin telah membuat laporan secara lisan, Bank memerlukan Pemegang Kad untuk membuat laporan bertulis, yang mungkin termasuk menyempurnakan soal selidik; dan
 - ii. untuk memberi Bank satu salinan laporan polis yang difailkan berhubung dengan kehilangan atau kecurian Kad Kredit-i.
- (f) Pemegang Kad tidak akan dikehendaki untuk membayar Transaksi Kad yang dipertikaikan sementara menunggu siasatan oleh Bank tanpa memprejudiskan hak Bank untuk menuntut daripada Pemegang Kad bagi jumlah yang sewajarnya berasaskan keputusan penyiasatan.
- (g) Walau apa pun yang dinyatakan di atas, had liabiliti tidak diguna pakai dalam keadaan di mana transaksi yang dipertikaikan berlaku disebabkan Pemegang Kad telah mendedahkan PIN bagi Kad Kredit-i kepada orang lain. Pemegang Kad hendaklah bertindak dengan niat baik, mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dan usaha untuk mengekalkan kerahsiaan PIN. Sebagai contoh, Pemegang Kad tidak boleh:
- i. Menulis mahupun mencatatkan PIN dengan cara yang boleh difahami oleh orang lain sama ada pada Kad Kredit-i atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran Kad Kredit-i;
 - ii. Mendedahkan PIN kepada orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan Bank dan mana-mana pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan penggabungan akaun;
 - iii. Menyimpan atau melupuskan dengan selamat sebarang makluman dari Bank berkenaan PIN dengan segera selepas menerimanya;
 - iv. Menggunakan PIN yang mudah diteka seperti hari jadi, nombor telefon, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, lesen memandu atau nombor hubungan, dan lain-lain;
 - v. Menggunakan PIN yang sama tanpa mengubahnya dari semasa ke semasa;
 - vi. Menggunakan PIN dari laman Internet lain.

Pemegang Kad tidak boleh menzahirkan PIN tersebut kepada mana-mana pihak lain pada bila-bila masa dan di bawah apa-apa keadaan jua.

J. Penolakan

14. Pemegang Kad memberikuasa kepada Bank, samada sebelum atau selepas penamatan Kad Kredit-i tersebut, untuk menahan wang dalam kredit mana-mana akaun(-akaun) Pemegang Kad yang sedia ada, dalam apa-apa jua sifat, jenis dan deskripsi yang dikendalikan dengan Bank (dan samada setelah matang atau sebaliknya dan samada dalam Ringgit Malaysia atau

dalam apa-apa matawang) termasuk apa-apa akaun bersesama dengan Pemegang Kad Tambahan, dan pada akhir notis bertulis tujuh (7) hari, untuk menolak atau menggunakan atau memindahkan atau menggunakan apa-apa jumlah dalam kredit kepada mana- mana satu atau lebih daripada akaun-akaun tersebut (walapun ia termasuk menggunakan/mengeluarkan apa-apa deposit/pelaburan sebelum tarikh matang dan/atau menukarnya ke Ringgit Malaysia kepada kadar tukaran matawang Bank pada hari pertukaran), dalam atau untuk penyelesaian liabiliti Pemegang Kad dan/ atau Pemegang Kad Tambahan kepada Bank di bawah Perjanjian ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah yang terhutang, kos-kos guaman, caj-caj dan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibelanjakan, jika ada, berkenaan dengan penguatkuasaan Perjanjian ini atau mendapatkan semula jumlah yang terhutang).

K. Pemberhentian Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan

15. (a) Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan menghubungi bank atau melalui notis bertulis kepada Bank tanpa tertakluk kepada apa-apa fi tambahan/syarat-syarat dengan syarat bahawa baki tertunggak (termasuk fi-fi pengendalian dan caj-caj) telah diselesaikan dan apa-apa jumlah bagi apa-apa transaksi yang dibuat melalui penggunaan Kad Kredit-i tersebut (sama ada sebelum atau selepas penamatan Akaun Kad-i), termasuk transaksi-transaksi yang telah dibuat tetapi masih belum diposkan kepada Akaun Kad-i. Bank akan memproses penutupan Akaun Kad-i secepat mungkin yang boleh dilaksanakan, dengan syarat bahawa baki Akaun Kad-i adalah sifar. Apa-apa baki kredit dalam Akaun Kad-i hendaklah dibayar balik dalam masa 30 hari dari tarikh permintaan penutupan. Apa-apa Kad Kredit-i dan Kad Kredit-i Tambahan yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad hendaklah dipotong oleh Pemegang Kad dan Bank hendaklah dilepaskan daripada kesemua liabiliti atau kerugian akibat daripada penggunaan Kad Kredit-i atau Kad Kredit-i Tambahan oleh pihak ketiga. Tiada fi tahunan atau mana-mana bahagiannya akan dibayar balik selepas penamatan Kad Kredit-i tersebut dan/atau Kad Kredit-i Tambahan tersebut.

Jika hanya salah satu daripada Kad(-kad) Kredit-i Tambahan akan dibatalkan, Pemegang Kad perlu memaklumkan Bank dengan sewajarnya. Kad Kredit-i Tambahan tersebut hendaklah dipotong oleh Pemegang Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang disebabkan oleh Kad Kredit-i Tambahan tersebut digunakan oleh Pemegang Kad Tambahan tersebut dan/atau pihak-pihak ketiga.

- (b) Penamatan mana-mana Kad Kredit-i Tambahan tersebut tidak akan menamatkan Kad Kredit-i tersebut, melainkan selepas Bank dimaklumkan oleh Pemegang Kad.
- (c) Bank boleh dengan memberikan notis munasabah sekurang-kurangnya 7 hari perbankan dan untuk keadaan yang kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, kebangkrutan, insolvensi Pemegang Kad, kemungkiran berturut-turut Pemegang Kad dalam pembayaran balik Akaun Kad secara bulanan, Pemegang Kad tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan yang berkenaan bagi Kad Kredit-i atau ketidakpatuhan kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini, dan tanpa sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad, menamatkan Perjanjian ini.

- (d) Kad Kredit-i Amanah Premier World MasterCard® hanya boleh dipegang bersama Akaun HSBC Amanah Premier. Manakala Kad Kredit-i HSBC Amanah Mpower Platinum hanya boleh dipegang bersama Akaun HSBC Amanah Advance. Sekiranya Pemegang Kad Kredit-i Amanah Premier World MasterCard® /Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower Platinum tidak lagi memegang Akaun HSBC Amanah Premier atau Akaun HSBC Amanah Advance (yang mana berkenaan), maka Kad Kredit-i akan dibatalkan/ditamatkan serta-merta selepas penamatan Akaun HSBC Amanah Premier/HSBC Amanah Advance, atau selepas penetapan semula/pertukaran automatik Akaun HSBC Amanah Premier/ Akaun HSBC Amanah Advance, yang mana berkenaan.

L. Kesan-kesan Penamatan

16. (a) Keseluruhan baki yang terhutang ke atas Akaun Kad dan apa-apa jumlah yang terhutang di bawah Transaksi-transaksi Kad yang dibuat (samada sebelum atau selepas penamatan Perjanjian ini) yang masih belum diposkan kepada Akaun Kad termasuk apa-apa pembayaran/bayaran-bayaran ansuran tertunggak yang belum genap masa tetapi Pemegang Kad adalah bertanggungjawab kepadanya yang timbul dari apa-apa Pesanan Pos, Skim Pesanan Telefon, Pelan-pelan Bayaran Ansuran Kad Kredit-i, Pindahan Baki atau Arahan-arahan Tetap (pembayaran berulang) yang dibuat atau kononnya dibuat oleh Pemegang Kad kepada satu institusi pedagang untuk pembekalan barang-barang atau perkhidmatan untuk dikenakan kepada
- (b) Akaun Kad (dirujuk secara kolektif sebagai “jumlah terhutang”) akan menjadi genap masa dan kena dibayar sepenuhnya dengan serta merta kepada Bank. Tanpa prejudis kepada Fasal 16 (a) di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa beliau kekal bertanggungjawab kepada Bank untuk apa-apa transaksi berulang yang dibilkan ke dalam Kad Kredit-i beliau yang disebabkan daripada arahan-arahan tetap/aturan-aturan bayaran dengan institusi(-institusi) pedagang yang melibatkan Kad-kad Kredit-i tersebut walaupun Pemegang Kad telah memberhentikan Kad tersebut. Adalah tanggungjawab dan kewajipan tunggal Pemegang Kad untuk membatalkan atau memindahkan arahan-arahan tetap/aturan-aturan bayaran kepada medium bayaran lain sebelum menamatkan Kad Kredit-i beliau. Bank boleh membatalkan transaksi dari Akaun Kad, walaupun tidak mempunyai kewajipan untuk melakukan tersebut, jika Pemegang Kad memberikan bukti bayaran yang dibuat oleh beliau kepada institusi(-institusi) pedagang yang menerima bayaran di bawah arahan- arahan tetap/aturan-aturan bayaran.
- (c) Pemegang Kad atau estet beliau akan bertanggungjawab ke atas semua jumlah yang terhutang dan akan menanggung rugi Bank untuk semua kos (termasuk fi-fi guaman atas dasar peguamcara dan anak guam) dan perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggungungkan dalam mendapatkan semula jumlah yang terhutang.

M. Obligasi-obligasi Pemegang Kad

17. Pemegang Kad perlu memaklumkan Bank dengan segera dengan menghubungi 1300-80-2626 atau secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam:
- i. pekerjaan atau perniagaan; atau
 - ii. alamat rumah atau pejabat beliau; dan/atau
 - iii. apa-apa butir untuk menghubungi Pemegang Kad yang diberikan kepada Bank.

N. Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi

18. Di mana Pemegang Kad menghubungkan Akaun Kad beliau untuk diakses melalui Perkhidmatan Tele- perbankan Automatik Bank ("PTB tersebut") atau Perbankan Online, Pemegang Kad bersetuju bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat PTB dan Perbankan Online masing-masing akan menjadi sebahagian daripada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad ini. Sekiranya terdapat konflik mengenai penggunaan Kad Kredit-i, Terma-terma dan Syarat-syarat Kad ini akan diberi keutamaan.

O. Perkhidmatan dan Notifikasi

19. (a) Pemegang Kad dengan ini memberikan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan berhubung penyampaian Penyata Kad dan apa-apa notis di bawah Perjanjian ini, selain daripada penyampaian satu notis tuntutan dan apa-apa proses mahkamah:
- i. melalui pos biasa atau kurier ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui oleh Bank. Penyampaian tersebut akan dianggap efektif tiga (3) hari selepas tarikh pengeposan walaupun ianya kemudiannya dikembalikan tanpa dihantar; atau
 - ii. melalui mel elektronik kepada alamat mel elektronik Pemegang Kad terakhir yang diketahui oleh Bank, mesej elektronik kepada hubungan yang diberikan kepada Bank atau petisurat perbankan internet dengan Bank. Notifikasi tersebut akan dianggap telah diterima pada masa penghantaran oleh Bank; atau
 - iii. melalui pengeposan notis di laman web awam Bank atau di mana-mana cawangannya.
- (b) Untuk penyampaian apa-apa notis tuntutan atau penyampaian apa-apa proses guaman, Pemegang Kad di sini memberikan kebenaran yang tidak boleh batalkan ke atas penyampaian melalui pos berdaftar (bukan AR pos berdaftar) ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui oleh Bank. Notis tersebut akan dianggap sebagai penyampaian yang sempurna dan mencukupi tiga (3) hari selepas tarikh pengeposan walaupun ianya kemudiannya dikembalikan tanpa dihantar.

P. Bukti Konklusif

20. Satu sijil oleh pegawai Bank mengenai jumlah yang pada masa tersebut adalah terhutang dan kena dibayar kepada Bank dari atau oleh Pemegang Kad adalah bukti konklusif terhadap Pemegang Kad untuk semua tujuan termasuk apa-apa prosiding guaman.

Q. Modifikasi dan Perubahan

21. (a) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengubah, menambah kepada atau memadamkan mana-mana Terma dan Syarat di sini dari semasa ke semasa. Bank hendaklah, sebelum tarikh kuat kuasa bagi perubahan-perubahan tersebut (selain dari perubahan kepada HadKredit), memberi Pemegang Kad satu notis sekurang-kurangnya 21 hari mengenai perubahan-perubahan tersebut atau menerbitkan perubahan-perubahan tersebut di dalam apa jua cara yang dianggap munasabah atau sepertimana yang dikehendaki oleh badan-badan/agensi-agensi pengawalselia. Pemegang Kad bersetuju bahawa beliau akan terikat oleh perubahan-perubahan sedemikian dan jika Pemegang Kad tersebut tidak bersetuju dengan perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan sedemikian, Pemegang Kad hendaklah diberikan suatu masa yang munasabah untuk menamatkan penggunaan Kad Kredit-i tersebut apabila:

- i. Bank menerima notis bertulis terdahulu (cth: sebelum tamatnya tempoh notis 21 hari daripada Pemegang Kad mengenai ketidaksetujuan kepada perubahan-perubahan dan keputusan untuk menamatkan Kad Kredit-i; dan
- ii. mengembalikan Kad Kredit-i tersebut kepada Bank.

Selepas penamatan Kad Kredit-i tersebut, fi tahunan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan dan Fasal 17 akan terpakai.

- (b) Penahanan atau penggunaan Kad Kredit-i tersebut oleh Pemegang Kad selepas tarikh efektif apa-apa perubahan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat di sini adalah dianggap sebagai penerimaan perubahan-perubahan tersebut tanpa rizab oleh Pemegang Kad.

R. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kad

22. Terma-terma dan Syarat-syarat Generik ("GTC") hendaklah Terpakai.

- i. Fasal 10 GTC pada "Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kad" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad, di mana semua rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah dibaca sebagai "Pemegang Kad" dan segala rujukan mengenai "produk" hendaklah termasuk "Kad Kredit-i".
- ii. Fasal 10 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 42 GTC pada "Definisi-definisi".
- iii. Fasal 10 dan Fasal 42 GTC boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Fasal 7 GTC pada "Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat" dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad ini.

S. Dasar Pertukaran Asing

23. (a) Pemegang Kad memberikan kebenaran kepada Bank untuk mengambil apa-apa langkah untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang relevan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa bagi apa-apa Transaksi Kad di luar negara. Untuk maklumat lanjut mengenai Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan bagaimana ia memberi kesan kepada Pelanggan rujuk kepada pautan di bawah www.bnm.my/fea.
- (c) Yang mana terpakai, Pemegang Kad akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing Malaysia dan menggunakan Kad Kredit-i dalam had yang dikenakan oleh Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing. Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan dan had-had tersebut, dan pindaan-pindaan terhadapnya dan Pemegang Kad hendaklah membayar gantirugi dan memastikan Bank tidak mengalami kerugian akibat daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, liabiliti dan kerugian yang timbul daripada kecuaiian, tindakan penipuan atau kegagalan Pemegang Kad secara tidak munasabah untuk mematuminya.
- (d) Pemegang Kad bersetuju bahawa jika Pemegang Kad hendak menggunakan Kad Kredit-i untuk membeli atau menjual mata wang asing (iaitu mata wang asing berbanding dengan ringgit Malaysia, atau mata wang asing berbanding dengan mata wang asing yang lain), Pemegang Kad hanya akan melakukan transaksi dengan sebuah bank yang dilesenkan di dalam negeri (onshore) atau mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. Pemegang Kad faham dan bersetuju bahawa seorang pemastautin individu di Malaysia yang mempunyai pinjaman/pembiayaan ringgit domestik dibenarkan untuk melabur dalam aset mata wang asing sehingga had RM1 juta secara agregat setiap tahun kalendar jika pelaburan tersebut diperolehi daripada pertukaran ringgit termasuk melalui penggunaan Kad Kredit-i. Pemegang Kad terus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas amaun yang kena dibayar berkenan dengan Transaksi-Transaksi Kad sedemikian, dan tidak akan menggunakan sebarang ketidakpatuhan terhadap Notis-Notis Pertukaran Asing dan/atau peraturan-peraturan sebagai pembelaan untuk enggan membayar amaun yang kena dibayar kepada Bank.

T. Indemniti

24. (a) Pemegang Kad bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa liabiliti untuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam), yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan oleh peruntukan di sini atau dalam pelaksanaan hak-haknya yang timbul akibat kecuaiian, tindakan penipuan atau kegagalan Pemegang Kad secara tidak munasabah untuk mematuhi terma-terma Perjanjian ini.
- (b) Tertakluk kepada Fasal 15, Pemegang Kad akan atas tuntutan membayar kepada Bank semua kos guaman, caj dan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Bank di dalam melaksanakan atau cuba untuk melaksanakan Perjanjian ini atau dalam mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan bayaran untuk semua atau mana-mana bahagian wang

yang dihutang oleh Pemegang Kad.

- (c) Indemniti ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan walaupun selepas penamatan Kad Kredit-i.

U. Disklaimer

25. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang mungkin timbul dalam apa cara jua termasuk kerugian berbangkit dan kerugian ekonomi yang ditanggung oleh Pemegang Kad, disebabkan oleh:
- i. Transaksi Kad ditolak disebabkan oleh satu status "Card Referral", "Card Block" atau "Card Declined yang diletakkan ke atas Kad Kredit-i oleh Bank, sebagai langkah keselamatan,
 - ii. Kegagalan Kad Kredit-i tersebut yang tidak disebabkan oleh Bank atau perantaranya;
 - iii. Penggunaan mana-mana perkhidmatan oleh pihak-pihak ketiga yang tidak diberi kuasa berkenaan dengan Kad Kredit-i tersebut;
 - iv. Apa-apa kegagalan untuk pelaksanaan, kesilapan, peninggalan, gangguan, kecacatan, kelambatan dalam operasi atau penghantaran, virus komputer atau talian atau kegagalan sistem berkenaan dengan penggunaan Kad Kredit-i, yang mana tidak disebabkan oleh Bank atau perantaranya;
 - v. oleh apa-apa keadaan di luar kawalan Bank atau oleh mogok atau pertelingkahan buruh lain.
26. Jika terdapat pertelingkahan mengenai transaksi-transaksi yang dilakukan dengan Kad Kredit-i tersebut, Bank boleh menentukan samada untuk melakukan pembayaran balik sementara dan/atau pembayaran balik kredit tiruan kepada Pemegang Kad sementara menunggu penyiasatan selanjutnya oleh Bank dengan pedagang, bank penerima dan/atau mana-mana pihak yang relevan. Di mana pedagang-pedagang, bank-bank yang menerima dan/atau pihak-pihak yang relevan boleh membuktikan dengan bukti yang mencukupi bahawa transaksi(-transaksi) yang dipertikaikan telah dilakukan dengan sejati dan/atau diambil bahagian oleh Pemegang Kad, Bank mempunyai hak untuk membatalkan kredit sementara tersebut yang telah diposkan.

V. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan

27. Terma-terma & Syarat-syarat Generik ("GTC") hendaklah terpakai.
- i. Fasal 8 GTC pada "Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad, di mana semua rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah dibaca sebagai "Pemegang Kad" dan segala rujukan mengenai "produk" hendaklah termasuk "Kad Kredit-i".
 - ii. Fasal 8 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 41 GTC pada "Definisi-definisi".

- iii. Fasal 8 GTC dan Fasal 41 boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut Fasal 7 GTC pada “Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat” dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad.

W. Hak istimewa HSBC Amanah Visa Exclusive Privileges / Mastercard Moment Privileges

28. Senarai hak istimewa Visa Exclusive Privileges/ Mastercard Moments yang dikaitkan dengan Kad kredit-i HSBC Amanah termasuk Perkhidmatan Concierge, yang diterbitkan di dalam risalah-risalah /penerbitan-penerbitan/laman web awam Kredit Kad-i Bank, telah diperuntukkan oleh Visa International dan Mastercard International melalui organisasi-organisasi pihak ketiga dan/atau perkhidmatan yang diperuntukkan untuk manfaat Pemegang Kad Kad Kredit-i. Hak-hak istimewa ini, termasuk Perkhidmatan Concierge adalah tertakluk kepada perubahan. Bank menafikan semua waranti yang diberikan oleh organisasi-organisasi pihak ketiga tersebut dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan, secara nyata dan tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa waranti tersirat kebolehdagangan dan waranti kesesuaian untuk tujuan tertentu, untuk setiap produk dan perkhidmatan.

X. Kebenaran atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)

29. (a) Pemegang Kad memberikuasa kepada Bank untuk bergantung kepada dan bertindak menurut apa-apa notis, arahan tuntutan atau komunikasi lain yang boleh diberikan melalui Pos, telefon, atau media elektronik (iaitu komunikasi-komunikasi dalam talian) termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan-arahan yang diterima melalui aplikasi-aplikasi perbankan mudah alih) teleks, atau faksimili oleh Pemegang Kad atau bagi pihaknya (“Arahan”) dan Bank adalah berhak untuk menganggap Arahan tersebut sebagai diberikuasa sepenuhnya oleh Pemegang Kad dan Bank adalah berhak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan bergantung kepada Arahan tersebut sepertimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.
 - (b) Bank di bawah terma pemberian kuasa ini tidak mempunyai kewajiban untuk menerima dan bertindak ke atas Arahan berikut:
 - i. Surat Kuasa Wakil kepada pihak/entiti lain
 - ii. penutupan akaun (-akaun) sekiranya mana-mana baki tertunggak tidak diselesaikan
30. Apa-apa permintaan melalui pos, atau media elektronik (komunikasi online) termasuk tetapi tidak terhad kepada, perbankan dan pembayaran-pembayaran bil di internet, yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada seorang pedagang atau kepada seorang pembekal bagi mana-mana perkhidmatan untuk pembekalan barang-barang dan/atau perkhidmatan yang akan dikenakan kepada Akaun Kad adalah merupakan kuasa yang diberikan:
- i. kepada pedagang atau pembekal perkhidmatan tersebut untuk mengisukan draf jualan untuk jumlah yang akan dikenakan; dan

- ii. kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Kad dengan jumlah tersebut yang dikenakan.

Bank akan mengambil kesemua langkah yang munasabah untuk mengenalpasti identiti pihak atau pihak-pihak yang memberikan arahan tersebut.

Y. Program Pulangan Tunai ("Program")

31. Bank boleh dari semasa ke semasa dan dalam budibicara mutlaknyanya, memberikan Pemegang Kad pulangan tunai untuk penggunaan Kad Kredit-i berikut mengikut terma-terma dan syarat-syarat program Kad Kredit-i yang tersedia di www.hsbcamanah.com.com: Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier World Mastercard/Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower Platinum/ Kad Kredit-i HSBC Amanah MPower.

Z. Pematuhan Cukai

32. Terma-terma & Syarat-syarat Generik ("GTC") Hendaklah Terpakai:
 - i. Fasal 14 GTC pada "Pematuhan Cukai" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad, di mana semua rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah dibaca sebagai "Pemegang Kad" dan segala rujukan mengenai "produk" hendaklah termasuk "Kad Kredit-i".
 - ii. Fasal 14 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 42 GTC pada "Definisi-definisi".
 - iii. Fasal 14 GTC dan Fasal 42 boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut Fasal 7 GTC pada "Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat" dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad.

AA. Konflik dan Peraturan Kedahuluan

33. Terma-terma & Syarat-syarat Generik ("GTC") Hendaklah Terpakai
 - i. Fasal 33 GTC pada "Konflik dan Peraturan Kedahuluan" diperbadankan dalam Perjanjian Pemegang Kad.
 - ii. Fasal 33 GTC hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 42 GTC pada "Definisi-definisi".
 - iii. Fasal 33 GTC dan Fasal 42 boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut Fasal 7 GTC pada "Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat" dan versi yang mengatasi akan terpakai kepada Perjanjian Pemegang Kad.

AB. Umum

34. Perjanjian ini adalah ditadbir oleh dan ditafsir menurut prinsip Syariah, undang-undang Malaysia dan arahan badan-badan/agensi-agensi penguatkuasa yang terpakai.
35. Mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini yang tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan terma-terma yang lain.

Lampiran 1

Terma-terma dan Syarat-syarat Dompot Mudah Alih HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah")

Terma-term dan syarat-syarat berikut diguna pakai apabila anda menambah Kad Kredit-i HSBC Amanah ("Kad") anda kepada suatu Dompot Mudah Alih dalam Peranti Layak anda. Suatu Dompot Mudah Alih merujuk kepada sebarang perkhidmatan yang membolehkan Kad anda digunakan dalam format elektronik tanpa mengemukakan Kad fizikal yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Samsung Pay.

PENTING! Sebelum anda mendaftar, menambah, mengaktifkan dan menggunakan Kad Mudah Alih Anda dalam suatu Dompot Mudah Alih, sila baca Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian Pemegang Kad") dengan teliti. Dengan mendaftar, menambah, mengaktifkan dan menggunakan Kad Mudah Alih anda melalui Dompot Mudah Alih, anda akan dianggap telah menerima Terma dan Syarat dan Perjanjian Pemegang Kad dan akan terikat kepadanya. Istilah yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini, melainkan ditakrifkan pada bahagian lain, telah ditakrifkan pada akhir dokumen.

1. Terma-terma dan Syarat-syarat sebagai tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad
 - (a) Perjanjian Pemegang Kad berkuat kuasa ke atas Kad Kredit-i anda. Rujukan dalam Perjanjian Pemegang Kad kepada "Kad Kredit-i" adalah termasuk Kad Mudah Alih Anda.
 - (b) Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah sebagai tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad, dan secara bersama, mengawal Kad Mudah Alih anda. Jika terdapat ketidakseragaman antara peruntukan-peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan peruntukan-peruntukan Perjanjian Pemegang Kad berhubung dengan penggunaan Kad Mudah Alih anda, peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai.
 - (c) Anda mungkin perlu mempersetujui terma berasingan dengan Penyedia Dompot Mudah Alih, yang berhubung dengan pendaftaran dan simpanan Kad anda dalam Dompot Mudah Alih dan penggunaan Dompot Mudah Alih (termasuk penggunaan sebarang data yang anda berikan kepada Penyedia Mudah Alih). Terma berasingan tersebut yang anda persetujui dengan Penyedia Dompot Mudah Alih tidak akan menukar atau mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Perjanjian Pemegang Kad.
2. Mendaftar, menambah dan mengaktifkan Kad Mudah Alih
 - (a) Anda layak untuk menambah suatu Kad Mudah Alih dalam Dompot Mudah Alih anda jika Akaun Kad anda dalam atarf yang baik menurut keperluan-keperluan dan piawai-piawai HSBC Amanah.
 - (b) Sebelum menambah Kad Mudah Alih dalam Dompot Mudah Alih, Kad Kredit-i fizikal mestilah diaktifkan.
 - (c) Untuk menambahkan suatu Kad Mudah Alih sila ikut arahan-arahan Pembekal Dompot

Mudah Alih (termasuk pemasangan sistem operasi terkini bagi Peranti Layak anda) dan pendaftaran dan aliran penentusahan Dompot Mudah Alih anda. Anda mengakui bahawa Pembekal Dompot Mudah Alih berhak untuk menolak penambahan Kad Mudah Alih atau untuk menggantungkan, memadamkan atau mengaktifkan semula Kad mudah Alih Kami tidak dipertanggungjawabkan jika anda tidak dapat menambah Kad Mudah Alih atas sebarang sebab.

- (d) Dengan mendaftar Kad Mudah Alih, anda mengizinkan kami menghantar kepada anda suatu pesanan SMS untuk tujuan penentusahan dan pengaktifan berasaskan nombor mudah alih anda dalam rekod pendaftaran kami. Untuk pendaftaran Kad Tambahan, pesanan SMS akan dihantar kepada nombor mudah alih Pemegang Kad Tambahan dalam rekod pendaftaran kami. Jika kami tidak mempunyai rekod nombor mudah alih anda, kami tidak dapat menghantar pesanan SMS kepada anda. Dalam keadaan sedemikian, anda perlu menghubungi kami melalui nombor yang dipaparkan dalam skrin penentusahan dan mengikuti langkah-langkah untuk menentusahkan dan mengaktifkan Kad Mudah Alih.
- (e) Pembekal Dompot Mudah Alih boleh mengehadkan bilangan Kad Mudah Alih yang anda boleh tambah dalam satu Dompot Mudah Alih dari semasa ke semasa.
- (f) Satu (1) Kad Mudah Alih hanya boleh ditambah kepada satu (1) Dompot Mudah Alih dalam satu (1) Peranti Layak. Penambahan Kad Mudah Alih yang sama kepada Dompot Mudah Alih yang sama dalam Peranti Layak yang berbeza adalah tidak dibenarkan untuk alasan keselamatan.
- (g) Anda bersetuju dan mengakui bahawa anda bertanggungjawab mengeluarkan dan menyahaktifkan Kad Mudah Alih anda daripada Dompot Mudah Alih anda sebelum menghantar Peranti Layak untuk diservis, atau jika Peranti Layak anda tidak lagi anda gunakan, hilang, dicuri atau terjejas, dan/atau anda tidak lagi menjadi pemilik bagi Peranti Layak anda.

3. Penggunaan Kad Mudah Alih

- (a) Anda boleh membuat dan mengesahkan transaksi-transaksi dengan Kad Mudah Alih di mana Dompot Mudah Alih adalah diterima untuk pembayaran. Kami tidak bertanggungjawab jika mana-mana peruncit enggan menerima Kad Mudah Alih anda.
- (b) Untuk mengesahkan suatu transaksi, buka aplikasi Dompot Mudah Alih anda dan sentuhkan Peranti Layak anda pada pembaca atau terminal tanpa sentuhan Visa payWave atau MasterCard ("pembaca tanpa sentuhan") dan sahkan identiti anda menerusi biometrik atau PIN Dompot Mudah Alih sebagai Pemegang Kad sepertimana yang ditentukan oleh Pembekal Dompot Mudah Alih.
- (c) Anda tidak boleh menggunakan Kad Mudah Alih anda untuk pengeluaran tunai atau pendahuluan tunai. Suatu Kad Mudah Alih tidak boleh dihubungkan kepada suatu akaun deposit bank.

- (d) Kad Mudah Alih anda boleh digunakan untuk pembelian tidak melebihi RM250 bagi setiap transaksi atau sebarang jumlah lain yang mungkin kami nyatakan dari semasa ke semasa. Had bagi setiap transaksi berbeza dari satu negara ke negara lain.
- (e) Untuk transaksi Kad Mudah Alih melebihi RM250, anda perlu memasukkan PIN Kad untuk mengesahkan transaksi.
- (f) Semua transaksi Kad Mudah Alih dikendalikan dengan cara yang sama dengan transaksi kad tanpa sentuhan. Dengan itu, semua terma yang terpakai kepada transaksi-transaksi kad tanpa sentuhan dalam Perjanjian Pemegang Kad hendaklah terpakai kepada semua transaksi Kad Mudah Alih.

4. Akaun Kad dan had kredit

- (a) Kad Kredit-i fizikal anda dan Kad Mudah Alih anda membentuk satu Kad Kredit-i yang sama dan berkongsi akaun Kad yang sama.
- (b) Semua Transaksi Kad Mudah Alih akan dibilkan kepada Akaun Kad yang sama dan dipaparkan dalam penyata Kad yang sama seperti Kad Kredit-i fizikal anda.
- (c) Anda boleh menyemak maklumat berkaitan Kad Mudah Alih seperti sejarah transaksi menerusi Dompot Mudah Alih. Anda mengakui dan menerima bahawa sesetengah transaksi tersenarai mungkin adalah transaksi-transaksi yang dibenarkan, yang merupakan sementara dan adalah tertakluk kepada pembalikan (cth kebenaran nilai rendah untuk pengesahan dan pra-pengesahan di (tetapi tidak terhad kepada) stesen-stesen minyak dan hotel-hotel).
- (d) Anda bersetuju dan mengakui bahawa sebarang maklumat berhubung dengan Kad Mudah Alih anda yang dipaparkan dalam Dompot Mudah Alih mungkin tidak mencerminkan atau menunjukkan transaksi-transaksi yang masih belum diproses dan dikemas kini dan dengan itu tidak harus dianggap sebagai muktamad. Hanya Transaksi-transaksi Kad Mudah Alih yang dipaparkan dalam Penyata Kad hendaklah dianggap sebagai muktamad.
- (e) Kad Kredit-i fizikal anda dan Kad Mudah Alih anda berkongsi had kredit yang sama. Tiada had kredit yang berasingan bagi Kad Mudah Alih anda.

5. Perakuan risiko dan tanggungjawab anda

- (a) Anda mengakui dan menerima risiko menanggung sebarang kerugian yang mungkin timbul daripada dan berhubung dengan transaksi tidak sah yang dibuat menggunakan Kad Mudah Alih anda. Anda bertanggungjawab mengambil langkah-langkah keselamatan seperti yang mungkin disyorkan oleh pihak kami atau Penyedia Dompot Mudah Alih dari semasa ke semasa, termasuk yang berikut:
 - i. mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya untuk menyimpan dengan selamat apa-apa maklumat Kad Kredit-i dan maklumat keselamatan berkaitan Kad Mudah Alih, Dompot Mudah Alih dan Peranti Layak anda (termasuk Kod Laluan Peranti, cap jari

- dan/atau sebarang pengenalan biometrik yang disimpan dalam Peranti Layak dan/atau mana-mana platform simpanan awan) dan untuk mencegah kehilangan, kecurian dan penggunaan secara menipu;
- ii. melindungi Kad Mudah Alih, Dompot Mudah Alih dan Peranti Layak dan memastikan semua berada di dalam kawalan peribadi anda pada setiap masa;
 - iii. JANGAN benarkan orang lain menggunakan atau log masuk ke Peranti Layak dan Dompot Mudah Alih anda;
 - iv. JANGAN simpan cap jari atau pengenalan biometrik orang lain dalam Peranti Layak anda;
 - v. JANGAN pilih nombor yang mudah diteka sebagai Kod Laluan Peranti (seperti Nombor Kad Pengenalan, tarikh lahir, nombor telefon, nombor dengan angka yang sama atau lain-lain yang boleh diteka atau dikenal pasti menerusi pemantauan intip) atau beritahu orang lain tentang Kod Laluan Peranti atau menulis atau menyimpan Kod Laluan Peranti berdekatan dengan Peranti Layak;
 - vi. JANGAN pasang atau lancarkan Dompot Mudah Alih dalam telefon pintar atau peranti lain dengan aplikasi cetak rompak, digodam, palsu atau tidak sah atau apabila penguncian perisian telah diatasi (seperti telefon pintar atau peranti yang “dipecah masuk” atau “dinyahsekat”;
 - vii. menukar Kod Laluan Peranti secara kerap dan menggunakan kod abjad angka untuk Kod Laluan Peranti;
 - viii. jika anda sudah menetapkan akses kepada Peranti Layak anda menerusi Kod Laluan Peranti atau cap jari atau pengenalan biometrik lain, semak semula penetapan ini dan pastikan bahawa anda menukar Kod Laluan Peranti yang boleh diteka dengan mudah atau yang telah dikongsi dengan sesiapa dan membuang sebarang cap jari atau maklumat biometrik yang bukan milik anda sendiri;
 - ix. keluarkan Kad Mudah Alih anda daripada Dompot Mudah Alih sebelum melupuskan Peranti Layak, contohnya, menjual atau memberikan peranti tersebut kepada orang lain atau meminjamkan Peranti Layak anda buat sementara kepada orang lain, sebagai contoh, untuk diservis atau dibaiki;
 - x. memindahkan Kad Mudah Alih daripada Dompot Mudah Alih selepas penamatan Kad Kredit-i Mudah Alih seperti yang dinyatakan dalam Fasal 10.
- (b) Anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pendedahan Butiran Kad Kredit-i, Kod Laluan Peranti atau maklumat keselamatan lain berkaitan Peranti Layak, Dompot Mudah Alih dan Kad Mudah Alih anda kepada mana-mana pihak lain, walaupun jika pendedahan tersebut adalah tidak disengajakan atau tanpa izin. Anda perlu menanggung segala risiko dan kesan daripada Dompot Mudah Alih dan Kad Mudah Alih digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk tujuan yang tidak sah.

- (c) Anda perlu menggunakan Peranti Layak dengan jenis atau model yang ditetapkan oleh pihak kami dari semasa ke semasa untuk mendaftar, menambah dan menggunakan Kad Mudah Alih dalam Peranti Mudah Alih anda. Kami berhak untuk mengubah jenis atau model atau menarik balik jenis atau model Peranti Layak sedia ada dengan memberikan notis 3 hari terlebih dahulu.
 - (d) Anda memerlukan sambungan Internet, peralatan telekomunikasi serasi dan pelan perkhidmatan telefon mudah alih (jika berkenaan) untuk mendaftar, menambah dan menggunakan Kad Mudah Alih dalam Dompot Mudah Alih anda. Anda bertanggungjawab terhadap sebarang jumlah yang mungkin dikenakan oleh syarikat telekomunikasi mudah alih dan/atau penyedia perkhidmatan Internet dan anda bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap fi dan caj tersebut.
6. Kerugian, kecurian atau salah guna Laporkan segera
- (a) Anda perlu memberitahu kami serta-merta dan meminta kami menyahaktifkan Kad anda dengan menelefon Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1300-88-1388 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Malaysia) atau 1300-88-9393 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier) jika anda mendapati atau mengesyaki sebarang kehilangan, kecurian, pegangan, kawalan atau penggunaan tidak sah Kad Mudah Alih atau Peranti Layak anda, atau jika anda percaya ada orang lain telah menggunakan Kad Mudah Alih atau Peranti Layak, atau mendapati maklumat keselamatan Peranti Layak, Dompot Mudah Alih atau Kad Mudah Alih atau jika keselamatan Kad, Kad Mudah Alih, Dompot Mudah Alih atau Peranti Layak anda telah terjejas dalam apa jua cara.
 - (b) Jika anda melaporkan kehilangan, kecurian, pendedahan atau penggunaan tidak sah Kad Mudah Alih atau Peranti Layak anda menurut Fasal 6, anda tidak bertanggungjawab terhadap transaksi Kad Mudah Alih yang dipertikaikan melainkan anda terbukti telah:
 - i. melakukan penipuan;
 - ii. berlengah untuk memberitahu Bank secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tidak sah Kad Mudah Alih;
 - iii. membiarkan Kad Mudah Alih tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan mudah dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman anda. Bagaimanapun, anda diminta untuk melindungi Kad Mudah Alih anda walaupun di tempat kediaman anda sendiri; atau
 - iv. secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Mudah Alih anda.
7. Had liabiliti kami
- (a) Anda mengakui dan menerima bahawa Dompot Mudah Alih anda disediakan oleh Penyedia Dompot Mudah Alih menerusi Peranti Layak yang serasi. Kami bukan penyedia perkhidmatan Dompot Mudah Alih anda, dan kami tidak bertanggungjawab

menyediakan perkhidmatan Dompot Mudah Alih kepada anda. Kami tiada kawalan terhadap platform Dompot Mudah Alih atau Peranti Layak anda. Dengan itu, kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan Dompot Mudah Alih atau kegagalan anda menggunakan Dompot Mudah Alih untuk sebarang transaksi. Kami juga tidak bertanggungjawab terhadap prestasi atau kegagalan Penyedia Dompot Mudah Alih atau mana-mana pihak ketiga yang mungkin menjejaskan penggunaan Dompot Mudah Alih anda. Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin anda alami atau tanggung berhubung penggunaan atau kegagalan menggunakan Dompot Mudah Alih (termasuk Kad Mudah Alih).

- (b) Kami tidak bertanggungjawab untuk membayar balik kepada anda bagi sebarang transaksi tidak sah di mana kami dapat membuktikan bahawa langkah keselamatan sewajarnya tidak dilaksanakan termasuk yang diperuntukkan dalam Fasal 5(a), Fasal 6(a), Fasal 10 di dalam ini atau yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pemegang Kad.

8. Data Peribadi Anda

Dengan mendaftar, menambah dan menggunakan Kad Mudah Alih dalam Dompot Mudah Alih, anda bersetuju dan mengakui bahawa maklumat akaun Kad tertentu (berkaitan dengan penggunaan Kad menerusi Dompot Mudah Alih) mungkin dipindahkan kepada dan disimpan di dalam Peranti Layak dan/atau kad Sim, dengan penyedia Dompot Mudah Alih dan/atau sistem pihak ketiga yang berfungsi dengan Penyedia Dompot Mudah Alih, untuk tujuan Dompot Mudah Alih. Maklumat tersebut boleh digunakan oleh Penyedia Dompot Mudah Alih dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat bersama Penyedia

Dompot Mudah Alih. Kami tidak bertanggungjawab dan tiada kawalan ke atas privasi dan keselamatan data peribadi anda dan maklumat yang anda berikan kepada Penyedia Dompot Mudah Alih dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Pembekal Dompot Mudah Alih yang ditadbir di bawah dasar privasi dan sebarang perjanjian yang anda ada dengan Pembekal Dompot Mudah Alih dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Pembekal Dompot Mudah Alih. Anda bertanggungjawab untuk memahami dan menerima dasar privasi dan sebarang perjanjian yang anda ada dengan Pembekal Dompot Mudah Alih dan/atau pihak ketiga yang berkhidmat dengan Pembekal Dompot Mudah Alih sebelum anda mendaftar, menambah atau menggunakan Kad Mudah Alih dalam Dompot Mudah Alih anda.

9. Fi-fi dan caj-caj

- (a) Semua fi dan caj berkenaan yang dikenakan ke atas Kad Kredit-i anda juga akan dikenakan ke atas Kad Mudah Alih.
- (b) Anda akan menanggung semua yuran, caj dan perbelanjaan yang dikenakan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan telefon mudah alih, penyedia telekomunikasi, penyedia perkhidmatan Internet, peruncit atau Pembekal Dompot Mudah Alih atau berhubung dengan keputusan anda menambah, mengaktifkan atau menggunakan Kad Mudah Alih atau membuat transaksi menggunakan Dompot Mudah Alih dan Kad Mudah Alih.

10. Penamatan Kad Mudah Alih

- (a) Anda hendaklah mengikuti arahan Pembekal Dompot Mudah Alih untuk mengeluarkan Kad Mudah Alih anda daripada Dompot Mudah Alih sekiranya anda mahu menamatkan Kad Mudah Alih. Penamatan Kad Mudah Alih tidak akan menamatkan Kad Kredit-i Fizikal melainkan anda juga menamatkannya menurut Perjanjian Pemegang Kad.
- (b) Jika anda Pemegang Kad Utama, anda tidak boleh menamatkan Kad Mudah Alih Pemegang Kad Tambahan tanpa menamatkan Kad Tambahan fizikal.
- (c) Jika anda merupakan seorang pemegang Kad Mudah Alih utama:
 - i. penamatan Kad Kredit-i fizikal utama akan secara automatik menamatkan Kad Mudah Alih utama dan Kad Mudah Alih tambahan (jika ada);
 - ii. penamatan Kad Mudah Alih utama tidak akan menamatkan secara automatik mana-mana Kad Mudah Alih tambahan.
- (d) Kami berhak untuk menggantung, membekukan atau menamatkan Kad Kredit-i anda di bawah Perjanjian Pemegang Kad. Hak ini akan turut merangkumi Kad Mudah Alih. Kad Mudah Alih anda akan digantung, dibekukan atau ditamatkan pada masa yang sama Kad Kredit-i fizikal anda digantung, dibekukan atau ditamatkan di bawah Perjanjian Pemegang Kad. Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga bagi sebarang penggantungan, pembekuan atau penamatan penggunaan mana-mana Kad Kredit-i atau Kad Mudah Alih.
- (e) Kami juga berhak untuk menggantung, membekukan atau menamatkan penggunaan Kad Mudah Alih jika Dompot Mudah Alih anda telah digantung, dibekukan atau ditamatkan oleh Pembekal Dompot Mudah Alih atau jika anda telah membuat laporan kepada kami di bawah Fasal 6(a).
- (f) Selepas Kad Mudah Alih ditamatkan, sama ada oleh pihak anda atau kami, anda mesti mengeluarkan Kad Mudah Alih daripada Dompot Mudah Alih mengikut arahan-arahan yang diberikan oleh Pembekal Dompot Mudah Alih. Anda hendaklah menghubungi Pembekal Dompot Mudah Alih jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang cara mengeluarkan Kad Mudah Alih atau Dompot Mudah Alih daripada Peranti Layak.
- (g) Anda bertanggungjawab terhadap Transaksi-transaksi Kad Mudah Alih tidak kira sama ada anda membenarkan transaksi tersebut atau tidak melainkan dan sehingga anda telah mengeluarkan Kad Mudah Alih daripada Dompot Mudah Alih dan Peranti Layak anda selepas penamatan.
- (h) Penamatan Kad Mudah Alih dengan sendirinya tidak akan mempengaruhi Kad fizikal yang akan terus tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad.

11. Perubahan Terma-terma dan Syarat-syarat

Kami berhak untuk meminda Terma-terma dan Syarat-syaarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis 21 hari terdahulu kepada Anda. Anda akan terikat kepada suatu perubahan melainkan Kad Mudah Alih anda ditamatkan oleh anda dan dikeluarkan daripada Dompot Mudah Alih dan Peranti Layak menurut Fasal 10 sebelum tarikh di mana perubahan tersebut berkuat kuasa.

12. Undang-undang berkuat kuasa, bidang kuasa dan versi

- (a) Terma-terma dan Syarat-syarat ini ditadbir oleh dan ditarifkan menurut undang-undang Malaysia.
- (b) Anda tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.

13. Hal ehwal am

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau aduan tentang Kad anda, sila hubungi kami di 1-300-80-2626 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Malaysia) atau 1300-88-9393 (untuk Kad Kredit-i HSBC Amanah Premier). Untuk soalan atau aduan mengenai Dompot Mudah Alih, sila hubungi Pembekal Dompot Mudah Alih menggunakan maklumat hubungan yang disediakan oleh Pembekal Dompot Mudah Alih.

Definisi

Pemegang Kad Tambahan bermaksud Pemegang Kad Tambahan yang dirujuk dalam Perjanjian Pemegang Kad.

Akaun Kad bermaksud Akaun Kad yang dirujuk dalam Perjanjian Pemegang Kad.

Perjanjian Pemegang Kad bermaksud Perjanjian Pemegang Kad Kredit-i HSBC yang menentukan penyediaan dan penggunaan Kad anda, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

Kod Laluan Peranti bermaksud kod laluan untuk mengakses Peranti Layak anda.

Peranti Layak bermaksud model telefon pintar, tablet atau peranti lain (seperti jam tangan) dengan fungsi Dompot Mudah Alih di mana Kad Mudah Alih boleh didaftarkan dan ditambah, seperti yang kami tetapkan dari semasa ke semasa.

Kad Mudah Alih bermaksud versi digital Kad yang anda tambah ke dalam Dompot Mudah Alih dalam Peranti Layak anda.

Transaksi Kad Mudah Alih bermaksud sebarang transaksi kad yang dibuat menggunakan Kad Mudah Alih.

Dompot Mudah Alih bermaksud aplikasi dompet yang disediakan oleh Pembekal Dompot Mudah Alih yang dipasang pada Peranti Layak di mana Kad Mudah Alih anda ditambahkan.

Pembekal Dompot Mudah Alih bermaksud pembekal bagi Dompot Mudah Alih, yang kami tetapkan dari semasa ke semasa.

Terma-terma dan Syarat-syarat bermaksud terma-terma dan syarat-syarat ini yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

Kami atau HSBC Amanah bermaksud HSBC Amanah.

Anda bermaksud atau merujuk kepada pemegang kad utama dan/atau pemegang kad tambahan.

Dikeluarkan oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 200801006421 (807705-X)).